

**PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN KEJOHANAN OLAHRAHA
MAJLIS SUKAN SEKOLAH DAERAH KUALA MUDA KALI KE 58, TAHUN 2026**

1. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-undang Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM), Peraturan-Peraturan Am, Majlis Sukan Sekolah Malaysia dan Peraturan-peraturan Pertandingan, Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah Kedah kecuali:

- 1.1 Beberapa acara, alat-alat lontaran dan lompatan diubahsuai mengikut kelas-kelas berkenaan.
- 1.2 Beberapa peraturan pertandingan yang diubahsuai mengikut keperluan dan kesesuaian kejohanan ini.

2. ACARA-ACARA, UKURAN-UKURAN DAN BERAT PERALATAN PERTANDINGAN

KOD ACARA	ACARA	LELAKI					PEREMPUAN				
		18 TKB	15 TKB	13 TKB	12 TKB	10 TKB	18 TKB	15 TKB	13 TKB	12 TKB	10 TKB
1	100 meter	X	X		X	X	X	X		X	X
2	200 meter	X	X		X		X	X		X	
3	400 meter	X	X	X			X	X	X		
4	800 meter	X	X				X	X			
5	1000 meter				X					X	
6	1500 meter	X	X	X			X	X	X		
7	3000 meter (T)	X					X				
8	80 meter Lari Berpagar				X 0.762 m		-	-		X 0.762 m	
9	100 meter Lari Berpagar						X 0.762 m	X 0.762 m			
10	110 meter Lari Berpagar	X 0.914 m	X 0.838 m				-	-			
11	200 meter Lari Berpagar		X 0.838 m				-	X 0.762 m			
12	400 meter Lari Berpagar	X 0.838 m					X 0.762 m	-			
13	3000 meter JK							X			
14	5000 meter JK	X	X				X				
15	Lompat Tinggi	X	X		X	X	X	X		X	X
16	Lompat Jauh	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
17	Lompat Kijang	X	X				X	X			
18	Melontar Peluru	X 5.00 kg	X 4.00 kg		X 2.72 kg	X 2.00 kg	X 3.00 kg	X 3.00 kg		X 2.72 kg	X 2.00 kg
19	Melempar Cakera	X 1.50 kg	X 1.00 kg	X 1.00 kg			X 1.00 kg	X 1.00 kg	X 1.00 kg		
20	Merejam Lembing	X 700 g	X 600 g				X 500 g	X 500 g			
21	4 X 100 m	X	X		X		X	X		X	
22	4 X 200 m				X					X	
23	4 X 400 m	X	X				X	X			
	JUMLAH	17	16	4	9	4	17	15	4	9	4

*Yang bertanda merah adalah acara-acara dan kategori baharu

2.1 Acara 80 meter Lari Berpagar

Bil. Pagar	Tinggi Pagar	Pagar 1 Dari Garisan Permulaan	Pagar Ke Pagar	Pagar 8 Ke Garisan Penamat
8	0.762 meter	12.0 meter	8.0 meter	12.0 meter

2.2 Acara 200 meter Lari Berpagar

Bil Pagar	Tinggi Pagar	Pagar 1 Dari Garisan Permulaan	Pagar Ke Pagar	Pagar 5 ke Garisan Penamat
5	0.838 M (15L)	20 METER	35 METER	40 METER
5	0.762 M (15P)	20 METER	35 METER	40 METER

2.3 Acara 4 x 200 meter

- 2.3.1 **Pelari Pertama** akan gunakan lorong sendiri dan akan bermula di garisan 1 ½ stagger – seperti pelari pertama dalam acara 4 X 400 M.
- 2.3.2 **Pelari Kedua** akan bersedia di garisan satu stagger yang akan disediakan.
- 2.3.3 **Pelari Ketiga** akan bersedia di garisan ½ stagger (seperti pelari kedua dalam acara 4 X 400 M). Selepas menerima baton daripada pelari kedua, pelari ketiga mestilah berlari di lorong masing – masing sehingga ke selekoh pertama dan kemudiannya, beliau boleh memotong masuk ke lorong pertama.
- 2.3.4 **Pelari Akhir** akan bersedia di tempat penerimaan baton mengikut " start list ", dan menerima baton dengan syarat dia tidak menghalang atau menolak peserta lain.

3. HADIAH

- 3.1 Acara individu sehingga 1500 meter – Pertama, Kedua, Ketiga.
- 3.2 Acara individu 2000 meter dan lebih - Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima.
- 3.3 Acara pasukan - Lima pingat untuk pasukan yang mendapat tempat Pertama, Kedua, Ketiga.
- 3.4 Etika pemakaian penerima hadiah : penerima hadiah memakai pakaian yang sopan (tight/legging/running vest **TIDAK DIBENARKAN**) dan **WAJIB** berkasut.
- 3.5 **TIDAK DIBENARKAN** menanggalkan pingat sehingga selesai majlis penyampaian pingat bagi semua pemenang.

4. KELAYAKAN

- 4.1 Pelajar-pelajar yang bersekolah sepenuh masa di sekolah rendah dan menengah yang berdaftar dan bergabung dengan MSSK adalah layak untuk menyertai pertandingan ini.
- 4.2 Pelajar-pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan SPM atau sedang menunggu kemasukan ke Tingkatan Enam Rendah (Pra U 1) **TIDAK LAYAK** menyertai pertandingan ini.
- 4.3 Bagi penyertaan B15, B18 lelaki dan perempuan, tiap-tiap sekolah dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada dua (2) orang peserta untuk acara perseorangan dan satu (1) pasukan bagi acara berpasukan.
- 4.5 Bagi penyertaan acara balapan B10 dan B12 lelaki dan perempuan, tiap-tiap PKG dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada tiga (3) orang peserta untuk acara perseorangan dan satu (1) pasukan bagi acara berpasukan.
- 4.6 Bagi penyertaan acara 1000 meter B12 lelaki dan perempuan tiap-tiap PKG dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada dua (2) orang peserta
- 4.7 Bagi penyertaan acara padang B10 dan B12 lelaki dan perempuan, tiap-tiap PKG dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada dua (2) orang peserta
- 4.8 Jika timbul kekeliruan Peraturan-peraturan AM Yang menguasai Kejohanan MSS Kedah adalah dirujuk.

PENDAFTARAN PENYERTAAN

- 4.9 Bilangan **maksimum** penyertaan **seseorang peserta** adalah seperti berikut:

KUMPULAN UMUR	ACARA INDIVIDU	LARI BERGANTI-GANTI
(1) 18 TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2 acara
(2) 15 TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2 acara
(3) 12 TKB	2 acara	2 acara
(4) 10 TKB	1 acara	1 acara

- 4.10 Tiap-tiap sekolah dibenarkan menghantar dua (2) orang peserta sahaja bagi satu-satu acara terbuka.
- 4.11 Seseorang peserta hanya dibenarkan bertanding dalam **SATU** kumpulan umur sahaja untuk acara yang dipertandingkan dalam kategori umur peserta tersebut.

5 PENDAFTARAN PESERTA

- 5.1 Semua pasukan yang mengambil bahagian diwajibkan membayar yuran penyertaan sebanyak RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Sahaja). Pembayaran hendaklah dibuat sebelum 18hb JUN 2026 kepada:
No. Akaun: **8006442528**
Nama Akaun: **SEK MEN KEB TUNKU ISMAIL**
- 5.5 Tarikh tutup pendaftaran peserta adalah pada atau sebelum **18 JUN 2026 jam 12.00 p.m** melalui laman web rasmi yang disediakan. Semua butiran yang perlu hendaklah diisi sepenuhnya. Laman web tersebut boleh dilayari di alamat :

<https://km2026.snn2u.com/>
- 6.2 Semua peserta hendaklah menyertakan BORANG PENYERTAAN INDIVIDU (**Borang R01 dan M01**) berserta **salinan Surat Beranak/ My Kid** (Pelajar Sekolah Rendah) atau **salinan Kad Pengenalan** (Pelajar Sekolah Menengah) **yang disahkan oleh Guru Besar / Pengetua sekolah berkenaan sahaja.**
- 6.3 Bagi semua peserta 15 tahun ke bawah dan 18 tahun ke bawah, kad pengenalan adalah WAJIB dibawa sebagai pengesahan rasmi. Surat akuan, Surat Sumpah TIDAK AKAN DITERIMA. (Peraturan Am Perkara 4 MSSM).
- 6.4 **Senarai pendaftaran dan “Starting List” perlu dicetak sendiri dari laman web selepas diumumkan siap oleh Jawatankuasa Pertandingan.**

6 PELAJAR PUSAT SUKAN NEGERI

- 6.5 Pelajar Sekolah Sukan Negeri
- Pelajar-pelajar yang ditawarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Kedah ke Sekolah Sukan Negeri hendaklah mewakili sekolah asal tempat beliau bersekolah / sekolah terakhir dalam kejohanan MSSD.
 - Sekiranya seseorang pelajar mewakili sekolah lain **TANPA KEBENARAN** dari sekolah asal, maka beliau TIDAK DIBENARKAN bertanding di Kejohanan MSSD dan MSSK serta tindakan disiplin akan diambil terhadap pelajar dan sekolah berkenaan.
 - Pelajar yang memasuki semula sekolah harian dari Sekolah Sukan Malaysia / Sekolah Sukan Negeri hendaklah mewakili daerah / sekolah terkini pelajar berkenaan sedang belajar. (Rujuk Peraturan MSSM 3.1.1.4) Pelajar Sekolah Sukan Negeri hendaklah mewakili sekolah asalnya dalam pertandingan MSSD dan disertakan dengan permohonan secara bertulis kepada Pengetua Sekolah Sukan Negeri.
 - Jika khidmat pelajar berkenaan tidak diperlukan oleh sekolah asalnya maka ia dibenarkan mewakili sekolah lain dengan syarat sekolah berkenaan mendapatkan kebenaran bertulis daripada sekolah asal pemain.
 - Pengambilan pelajar Sekolah Sukan Negeri mestilah mengikut prosedur yang ditetapkan dan menjadi tanggungjawab pasukan berkenaan untuk mengambil dan menghantar balik serta mengutamakan keselamatan dan kebajikan pelajar tersebut.

7 PENGESAHAN PESERTA-PESERTA

- 7.5 Taklimat Pengurus Pasukan
- Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan mengikut ketetapan berikut:

Tarikh : 08 JUN 2026
Hari : ISNIN
Masa : 11.00 pagi
Tempat : Dewan Kuliah, SMK Ibrahim

- 7.6 Penarikan Diri Semasa Kejohanan.
- Maklumat tentang penarikan diri semasa kejohanan dijalankan hendaklah disampaikan kepada Pengelola Peserta dan Pengurus Kejohanan sekurang-kurangnya 30 minit sebelum sesuatu acara itu dimulakan seperti yang tercatat dalam susunan acara.
 - Seseorang peserta yang telah disahkan penyertaan semasa mesyuarat Pengurus Pasukan, tidak dibenarkan menarik diri. Jika ini berlaku, peserta berkenaan **TIDAK DIBENARKAN** menyertai acara-acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya, **KECUALI** jika dapat mengemukakan surat pengesahan sakit / cedera daripada Pegawai Perubatan.
 - Seseorang peserta yang menarik diri tanpa sebab, adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.

- Seseorang peserta menarik diri daripada mana-mana acara atas nasihat Pegawai Perubatan, hanya boleh mengambil bahagian seterusnya di dalam acara yang didaftarkan atas namanya dengan mengemukakan surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan kepada Pengurus Kejohanan.
- Peserta yang tidak cedera dan layak masuk ke pusingan akhir, tidak dibenarkan menarik diri. Sekiranya berbuat demikian, penyertaan mereka dalam acara-acara selanjutnya akan dibatalkan. Keputusan Pengurus Kejohanan adalah muktamad.

7.7 Peserta Acara Lari Berganti-ganti

- Pendaftaran peserta bagi acara lari berganti-ganti adalah dihadkan kepada peserta-peserta yang didaftarkan dalam borang penyertaan rasmi sahaja.
- Peserta lari berganti-ganti mesti didaftarkan dengan menggunakan **borang pendaftaran lari berganti-ganti** yang akan diedarkan.

8 MELAPOR DIRI PESERTA

- 8.5 Semua peserta hendaklah melaporkan diri 30 minit bagi acara balapan dan 45 minit bagi acara padang sebelum acara berkenaan berlangsung. Selepas itu mereka akan diiringi ke tempat pertandingan oleh Penyelia Peserta.
- 8.6 Peserta **TIDAK DIBENARKAN** melaporkan diri terus kepada Pegawai Teknik dalam arena pertandingan.
- 8.7 Hebahan tentang peserta-peserta untuk melaporkan diri **TIDAK AKAN DIBUAT**. Maklumat meminta peserta melaporkan diri hanya disiarkan di papan kenyataan di tempat Pengelola Peserta. Hebahan hanya dibuat sekiranya terdapat pindaan dalam susunan atur cara kejohanan.
- 8.8 Semasa melaporkan diri peserta hendaklah berpakaian kemas dan nombor peserta hendaklah dipin di setiap sudut nombor berkenaan di baju peserta. Peserta yang gagal melekatkan nombor di bajunya, tidak akan dibenarkan bertanding.

9 PEMBATALAN ACARA

- 9.5 Semua acara yang didaftarkan akan dipertandingkan.
- 9.6 Acara yang kurang dari **DUA (2)** orang peserta atau pasukan tidak akan dipertandingkan.

10 PERMULAAN LARIAN

- 10.5 Permulaan dekam (crouch start bagi acara di bawah **MESTI** digunakan untuk semua kategori lelaki dan perempuan seperti acara di bawah.

100m, 200m, 400m 4x100m, 4x400m
80/100/110/200/400 meter lari berpagar

11 PAKU KASUT (SPIKES) DAN PERALATAN

- 11.5 Paku kasut
- Paku spikes yang dibenarkan ialah tidak melebihi 9mm.
 - Paku spike untuk acara Lompat Tinggi dan Merejam Lembing tidak boleh melebihi 12mm.

12 LARI BERGANTI-GANTI

- 12.5 Selepas memberi baton (change over) peserta-peserta hendaklah berada dalam lorong masing-masing sehingga pertukaran baton selesai supaya tidak mengganggu peserta lain.
- 12.6 Semua peserta tidak dibenarkan membaling atau melambung baton selepas tamat sesuatu larian. Peserta/pasukan tersebut akan dibatalkan jika referi balapan mengesahkannya.
- 12.7 Sebarang tanda yang dibuat bukannya dari bahan yang kekal dan boleh mengganggu peserta lain.

13 PACING DAN BERSORAK DARI GELANGGANG

- 13.5 Semua peserta atau pegawai **TIDAK DIBENARKAN** bersaing (pacing) dengan mana-mana peserta yang sedang berlari. Jika berlaku, peserta tersebut akan **DIBATALKAN**.

14 UKURAN TINGGI PERMULAAN

14.5 Ukuran tinggi permulaan bagi acara Lompat Tinggi ialah :

KELAS	LELAKI	PEREMPUAN	Penambahan Ketinggian (cm)
1L & 1P (18 TKB)	1.65 meter	1.30 meter	5,5,5,4,4,4,3,3,2,2,2
2L & 2P (15 TKB)	1.50 meter	1.25 meter	5,5,5,4,4,4,3,3,2,2,2
3L & 3 P (12 TKB)	1.20 meter	1.10 meter	5,5,5,4,4,4,3,3,2,2,2
4L & 4 P (10 TKB)	1.05 meter	1.00 meter	4,4,4,3,3,3,2,2,2...

15 PAPAN LONJAKAN LOMPAT KIJANG

15.5 Jarak papan lonjakan dari kawasan mendarat adalah seperti berikut:

KELAS	LELAKI	PEREMPUAN
18 TKB	13 meter / 11 meter	7 meter / 9 meter / 11 meter
15 TKB	13 meter / 11 meter	7 meter / 9 meter / 11 meter

16 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

16.5 Hadiah Peserta Terbaik – Hadiah yang disediakan ialah :

- Peserta Terbaik Kelas 3 lelaki dan perempuan
- Peserta Terbaik Kelas 2 lelaki dan perempuan.
- Peserta Terbaik Kelas 1 lelaki dan perempuan.
- Hadiah-hadiah peserta terbaik akan diberi kepada peserta berdasarkan **pemecah rekod baru** berstatus (ikut ranking kejohanan) Kejohanan MSS Asean, MSSM, MSSK dan **jumlah rekod yang diperbaharui dengan mengambil kira bilangan pingat emas, perak dan gangsa. Sekiranya kedudukan sama usia rekod diambil kira. .**
- Sekiranya tiada rekod dicipta, jumlah pingat emas atau pingat perak atau pingat gangsa dalam acara individu diambil kira.
- Sekiranya pungutan pingat emas masih sama, pungutan pingat perak dan pingat gangsa dalam acara individu diambil kira.
- Sekiranya kedudukan masih sama juga, keputusan akan dibuat berdasarkan Jadual Mengira Mata IAAF bagi pencapaian terbaik acara tertentu setiap peserta

16.6 Pasukan

Johan Sekolah Menengah dan Johan Zon

Johan keseluruhan akan ditentukan berdasarkan jumlah pingat emas yang diperolehi oleh peserta dari tiap-tiap bahagian.

17 SARINGAN / SEPARUH AKHIR / PENENTUAN KE ACARA AKHIR

17.5 Acara 100 M , 200 M

Jika 7 Saringan.

3 peserta pertama dari setiap saringan dan 3 peserta yang mencatat masa terbaik dari 7 saringan layak memasuki peringkat separuh akhir (3 separuh akhir).

Jika 6 Saringan.

3 peserta pertama dari setiap saringan dan 6 peserta yang mencatat masa terbaik dari 6 saringan layak memasuki peringkat separuh akhir (3 separuh akhir).

Jika 5 Saringan.

3 peserta pertama dari setiap saringan dan 1 peserta yang mencatat masa terbaik dari 5 saringan layak memasuki peringkat separuh akhir (2 separuh akhir).

Jika 4 Saringan.

3 peserta pertama dari setiap saringan dan 4 peserta yang mencatat masa terbaik dari 4 saringan layak memasuki peringkat separuh akhir (2 separuh akhir).

Jika 3 separuh akhir

2 peserta pertama dari setiap separuh akhir dan 2 peserta yang mencatat masa terbaik dari 3 separuh akhir layak memasuki peringkat akhir.

Jika 2 separuh akhir

3 peserta pertama dari setiap separuh akhir dan 2 peserta yang mencatat masa terbaik dari 2 separuh akhir layak memasuki peringkat akhir.

17.6 Acara 400 M

Jika 7 Separuh Akhir

Pemenang setiap separuh akhir dan 1 pencatat masa terpanas akan layak memasuki Peringkat Akhir.

Jika 6 Separuh Akhir

Pemenang setiap separuh akhir dan 2 pencatat masa terpanas akan layak memasuki Peringkat Akhir.

Jika 5 Separuh Akhir

Pemenang setiap separuh akhir dan 3 pencatat masa terpanas akan layak memasuki Peringkat Akhir.

Jika 4 Separuh Akhir

Pemenang setiap separuh akhir dan 4 pencatat masa terpanas akan layak memasuki Peringkat Akhir.

Jika 3 Separuh Akhir

2 peserta pemenang dari setiap separuh akhir dan 2 peserta yang mencatat masa yang terbaik dari ketiga-tiga separuh akhir layak ke Peringkat Akhir.

Jika 2 Separuh Akhir

3 peserta pemenang dari setiap separuh akhir dan 2 peserta yang mencatatkan masa terbaik daripada kedua-dua separuh akhir layak ke Peringkat Akhir.

17.7 Sekiranya terdapat seri dalam catatan masa. Maka penentuan ke akhir bergantung kepada kedudukan peserta dalam setiap separuh akhir yang dipertandingkan. Jika berlaku kedudukan yang sama, cabutan undi akan dilakukan oleh Pengurus Kejohanan.

17.8 Pengundian lorong akan dijalankan mengikut peraturan 166.3 KOAM/IAAF

18 BANTAHAN

18.5 Bantahan hendaklah dibuat mengikut Peraturan 147 KOAM, kecuali perkara-perkara di bawah :

- Jika masalah berkenaan kelayakan seseorang peserta tidak dapat diselesaikan sebelum pertandingan bermula, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan (under protest) dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada Juri Rayuan.
- Bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan tidak lewat daripada :
- Lima belas (15) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara pusingan awal.
- Tiga puluh (30) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara peringkat akhir.

18.6 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mesti disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus sahaja).

18.7 Hanya pegawai-pegawai yang berdaftar dalam sistem kejohanan sahaja yang layak membuat bantahan.

18.8 Seandainya acara yang telah berlangsung lewat petang, bantahan awal boleh dibuat melalui whatapps ke Pengarah Kejohanan En Fadhlil di talian 017-4909775.

19 NOMBOR, HURUF DAN WARNA PASUKAN

19.5 Nombor, huruf dan warna pasukan adalah seperti berikut.

BIL	NAMA SEKOLAH	HURUF
1	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO BIJAYA SETIA	A
2	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN CHE TOM 'SRT'	B
3	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN CONVENT FATHER BARRE	C
4	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN IBRAHIM	E
5	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KHIR JOHARI	G
6	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MERBOK	H
7	SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN CINA SIN MIN	I
8	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ST THERESA	J
9	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PEKULA JAYA	K
10	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AMAN JAYA	L
11	SEKOLAH MENENGAH SAINS SULTAN MOHAMAD JIWA	O
12	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KOTA KUALA MUDA	S
13	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR SUNGAI PETANI	T
14	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BUKIT SELAMBAU	V
15	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUNKU ISMAIL	W
16	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI PASIR	X
17	KOLEJ VOKASIONAL SUNGAI PETANI 1	Y
18	KOLEJ VOKASIONAL SUNGAI PETANI 2	Z
19	SEKOLAH MENENGAH SIN MIN PRIVATE	AA
20	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI LAYAR	AC
21	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PENGKALAN LEBAI MAN	AE
22	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN RIA JAYA	AF
23	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PINANG TUNGGAL	AH
24	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BAKAR ARANG	AJ
25	MRSM MERBOK	AL
26	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TELUK BAYU	AP
27	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI PASIR KECIL	AR

28	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN RIA	AT
29	MAKTAB MAHMUD KOTA KUALA MUDA	AU
30	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR PUTERI JAYA	AV
31	REGION INTERNATIONAL SCHOOL	AX
32	MAKTAB MAHMUD MERBOK	AY
33	SEKOLAH MENENGAH PEND KHAS VOKASIONAL MERBOK	AZ
34	SEKOLAH MENENGAH AKADEMI ISLAM DARUL AMAN	BA
35	SEKOLAH MENENGAH AGAMA AL ISLAH	BB
36	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR BAHARU SUNGAI LALANG	BC
37	ZON SG LAYAR	ZA
38	ZON KOTA KUALA MUDA	ZB
39	ZON SUNGAI PETANI	ZE
40	ZON BUJANG	ZF
41	ZON BUKIT SELAMBAU	ZG

19.6 Ukuran nombor ialah tinggi 10cm dan tebal 1cm. Bip Nombor hendaklah dibuat **berlatar belakang putih**. Huruf hendaklah dicetak dengan **warna merah** dan nombor dicetak dengan **warna hitam**.

19.7 **Baju:** bagi acara berpasukan semua peserta dikehendaki memakai baju yang sama mengikut pasukan masing-masing.

20 HAK-HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

- 20.5 Semua acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola dengan persetujuan Pengerusi Teknik Olahraga MSSK, berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pindaan, semua pengurus pasukan akan diberitahu.
- 20.6 Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tercatat dalam Undang- undang KOAM, Peraturan-peraturan Am MSSM atau Peraturan-peraturan Pertandingan Kejohanan Olahraga MSSD 2026.
- 20.7 Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan atau kemalangan yang berlaku semasa pertandingan dijalankan, meskipun langkah-langkah keselamatan telah dibuat untuk mengelakkannya.
- 20.8 Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan barang-barang kepunyaan peserta-peserta atau pegawai-pegawai di mana-mana sahaja semasa kejohanan ini dijalankan.

21 HAL-HAL LAIN

- 21.5 Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai-pegawai. Orang yang tidak berkenaan **DILARANG** masuk ke tempat-tempat khas tersebut termasuk kawasan AV dan Statistik
- 21.6 Selain daripada Pegawai-pegawai Teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian tidak seorang pun dibenarkan masuk ke arena pertandingan kecuali dengan kebenaran Pengurus Kejohanan.

LAMPIRAN 3

**ACARA YANG DIPERTANDINGKAN DALAM KEJOHANAN OLAHRAHA MSS DAERAH KUALA MUDA
KALI KE-58, TAHUN 2026**

BIL	ACARA	KATEGORI	KELAS							
			LELAKI				PEREMPUAN			
			L18	L15	L12	L10	P18	P15	P12	P10
1	100 METER	INDIVIDU	√	√	√	√	√	√	√	√
2	200 METER	INDIVIDU	√	√	√		√	√	√	
3	400 METER	INDIVIDU	√	√			√	√		
4	800 METER	INDIVIDU	√	√			√	√		
5	1500 METER	INDIVIDU	√	√			√	√		
6	80 METER LARI BERPAGAR	INDIVIDU			√				√	
7	100 METER LARI BERPAGAR	INDIVIDU					√	√		
8	110 METER LARI BERPAGAR	INDIVIDU	√	√						
9	200 METER LARI BERPAGAR	INDIVIDU		√				√		
10	400 METER LARI BERPAGAR	INDIVIDU	√				√			
11	3000 METER JALAN KAKI	INDIVIDU						√		
12	5000 METER JALAN KAKI	INDIVIDU	√	√			√			
13	LOMPAT TINGGI	INDIVIDU	√	√	√	√	√	√	√	√
14	LOMPAT JAUH	INDIVIDU	√	√	√	√	√	√	√	√
15	LOMPAT KIJANG	INDIVIDU	√	√			√	√		
16	LONTAR PELURU	INDIVIDU	√	√	√	√	√	√	√	√
17	LEMPAR CAKERA	INDIVIDU	√	√			√	√		
18	MEREJAM LEMBING	INDIVIDU	√	√			√	√		
19	1000 METER	INDIVIDU			√				√	
20	400 METER 13TKB	INDIVIDU		√				√		
21	1500 METER 13TKB	INDIVIDU		√				√		
22	LOMPAT JAUH 13TKB	INDIVIDU		√				√		
23	LEMPAR CAKERA 13TKB	INDIVIDU		√				√		
24	3000 METER	TERBUKA	√				√			
25	4 X 100 METER	BERPASUKAN	√	√	√		√	√	√	
26	4 X 200 METER	BERPASUKAN			√				√	
27	4 X 400 METER	BERPASUKAN	√	√			√	√		